

Kerajaan jamin tak lindungi pihak atau pelaku kes

Kota Kinabalu: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan, kerajaan tidak melindungi mana-mana pihak atau pelaku dalam kes kematian pelajar Tingkatan Satu, Zara Qairina Mahathir, yang dikaitkan dengan insiden buli, baru-baru ini.

Perdana Menteri menegaskan, kematian dengan cara itu bukan perkara yang boleh dipandang ringan. Justeru, beliau menegaskan, siasatan mendalam perlu dibuat oleh pihak berkuasa berkaitan dengan segera.

“Baru-baru ini ada kematian

(berkaitan kes Zara Qairina) dan Menteri Pendidikan diserang. Kematian ini bukan soal yang ringan. Anak petani miskin di Kundasang kalau mati, itu tanggungjawab kita bersama untuk cari (pembunuh)...bukan tuduh sesiapa.

“Saya bicara terus dengan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Khalid Ismail dan Menteri Dalam Negeri (Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail). Dia (Mohd Khalid) kata, kita (polis) buat siasatan segera, kita cari segala fakta dan selesaikan. Dia kata, sudah 60 orang (saksi) di-

ambil keterangan.

“Kita harus ingat ini negara hukum, bukan negara fitnah. Siapa pun terbabit, tidak peduli siapa pun (sama ada berkaitan) Tan Sri, Datuk Seri, menteri, anak menteri, kalau terbabit dalam jenayah, pembunuhan atau bersekongkol, tidak akan diberi perlindungan.

“Tetapi jangan memfitnah (merujuk kepada dakwaan tular mengatakan pelaku terbabit dengan anak kenamaan yang tular di laman media sosial),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan

penutupan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK), di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), di sini semalam.

Tak campur urusan kes

Sambil memohon maaf kerana bercakap mengenai kes terbabit pada majlis itu, Anwar berkata, beliau difahamkan laporan lengkap polis berkaitan kes itu sudah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara.

“Tapi, saya tidak campur (dalam urusan kes Zara Qairina). Saya tanya (kepada pihak ber-

kaitan) supaya rakyat tahu,” katanya.

Sementara itu Kota Bharu, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek, memberi jaminan tiada siapa akan dilindungi berhubung kes kematian Zara Qairina dan pihaknya menunggu laporan penuh daripada polis sebelum mengambil sebarang tindakan lanjut.

“Kita tidak akan berlengah dalam kes ini. Saya beri jaminan, tiada siapa yang akan dilindungi sebaliknya kita memberi sepenuh perhatian dalam kes ini,” katanya.